

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. PUAN HAJAH NORMALA
BINTI ABDUL SAMAD
KAWASAN : PASIR GUDANG
TARIKH : 15 JUN 2015, ISNIN

SOALAN:

YB. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD (PASIR GUDANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerja-kerja Menaik Taraf Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 2 akan dimulakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek menaik taraf Jalan Persekutuan di Pasir Gudang, Johor telah diluluskan oleh Kerajaan dalam RMKe-10. Projek ini dilaksanakan secara berfasa di mana fasa pertama (Kangkar Tebrau – Plentong) sedang dalam peringkat pembinaan (80%) dan ia dijangka akan siap pada akhir tahun ini.

Manakala Fasa 2 pula (Plentong – Sri Alam/Rinting – Masai) baru sahaja menerima kelulusan Kerajaan untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Anggaran kos projek tersebut ialah sebanyak RM190 juta. Berdasarkan perancangan, projek fasa 2 Jalan Pasir Gudang ini dijangka akan ditender pada akhir bulan Jun 2015 manakala kerja-kerja pembinaan pula dijangka akan dimulakan pada bulan Oktober 2015. Tempoh pembinaan ialah selama 30 bulan.

Sekian. Terima kasih.